

CNS9262

U GB 26-09 00178 BA602

aab

MAHATHIR PELAWA USAHAWAN AMERIKA

Mahathir - Perniagaan

Daripada Syed Jamil Jaa far

T

NEW YORK, 26 Sept (Bernama) --Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada hari Rabu mempelawa usahawan Amerika melawat Malaysia untuk melihat sendiri peluang perniagaan dan pelaburan yang ditawarkan di negara itu, daripada dipengaruhi oleh laporan media yang memburuk-burukkan Malaysia.

Beliau berkata, jika sesetengah laporan media itu hendak dipercayai, Malaysia merupakan negara yang begitu teruk dan kesemua pemimpinnya menyeleweng.

+Semua ini tidak benar. Bagaimana mungkin Malaysia dikatakan negara Yang teruk untuk melabur, sedangkan pertumbuhan ekonominya berjajumlah sembilan hingga 10 peratus dan inflasi masih pada paras dua peratus?+ tanya Perdana Menteri.

Ketika berucap pada sesi pelancaran Kumpulan Perundingan Sektor Swasta Malaysia-Amerika Syarikat di sini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, jika beliau melawat sesuatu projek tertentu di Malaysia, itu bukan kerana beliau mempunyai kepentingan atau kepentingan pelaburan di dalam projek itu.

+Ia memberi kepuasan kepada saya untuk melihat semuanya berjajalan lancar di Malaysia, untuk melihat negara mencapai kemajuan,+ katanya. --Lagi.

♥26/09/10-46MST

CNS9266

U GB 26-09 00125 BA603

aab

Mahathir - Perniagaan 2 New York

Beliau juga menolak sebarang tanggapan adanya pilih kasih dalam pemberian kontrak di Malaysia.

+Tetapi sudah tentulah kita perlu membuat pemilihan yang teliti. Kita tidak boleh memberi sejuta dollar kepada seorang penarik beca dan mengharapkan kepadanya untuk menguruskannya,+ katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia ingin melihat lebih banyak pelaburan Amerika di Malaysia kerana ia tidak mahu menumpukan hubungan ekonominya kepada satu atau dua negara sahaja, atau terlampau bergantung kepada Jepun.

Beliau berkata, kestabilan dan kemajuan ekonomi di Malaysia berlaku bukan secara kebetulan.

+Kami telah melaksanakan pendekatan yang pragmatik dan tidak berminat kepada ideologi-ideologi, malah sejak dari awal lagi kami telah menolak komunisme dan sosialisme,+ katanya.

Malaysia juga mengamalkan dasar-dasar cukup terbuka untuk mengambil kira pandangan pelabur-pelabur asing, tambah beliau.

Kumpulan Perundingan Sektor Swasta Malaysia-Amerika itu dianjurkan oleh bekas Setiausaha Negara Amerika Dr Henry Kissinger dan M. R. Greenberg, Pengerusi American International Group Inc.

Penubuhan kumpulan itu yang dianggotai oleh ketua-ketua pegawai eksekutif terpilih dari Malaysia dan Amerika, bertujuan meningkatkan perdagangan dan pelaburan antara kedua-dua negara.

Kumpulan itu kemudian mengadakan perbincangan tertutup mengenai perkara-perkara khusus.

Pihak Malaysia dalam kumpulan itu diketuai oleh Presiden Petronas Tan Sri Azizan Zainul Abidin, yang juga merupakan Pengerusi sektor Malaysia dalam kumpulan tersebut.

Pengerusi Arab-Malaysia Merchant Bank, Tan Sri Azman Hashim, membentangkan kertas kerja mengenai Labuan sebagai sebuah Pusat Kewangan Persisiran Pantai Antarabangsa pada majlis itu. -- Bernama.

♥26/09/10-57MST